Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2026, Volume 11, Issue 4, e003951
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i4.3951

RESEARCH ARTICLE

Dekonstruksi Bangsa dan Identiti Budaya dalam Novel Sejarah Cinta Natrah: Analisis Pascakolonial terhadap Sejarah dan Memori Kolektif

(Deconstruction of Nation and Cultural Identity in the Historical Novel Cinta Natrah: A Postcolonial Analysis of History and Collective Memory)

Husairi Hussin[1*]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
Email: Husairi.hussin@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Husairi Hussin
(Husairi.hussin@usm.my)

KATA KUNCI:
Cinta Natrah
Dekonstruksi
Fiksyen Sejarah
Identiti Budaya
Pascakolonial

KEYWORDS:
Cinta Natrah
Deconstruction
Historical Fiction
Cultural Identity
Postcolonialism

CITATION:
Husairi, H. (2026). Dekonstruksi Bangsa dan Identiti Budaya dalam Novel Sejarah Cinta Natrah: Analisis Pascakolonial terhadap Sejarah dan Memori Kolektif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 11*(4), e003951. https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i4.3951

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis dekonstruksi bangsa dan pembinaan identiti budaya dalam novel sejarah *Cinta Natrah* karya Nazri Hussein menerusi kerangka teori pascakolonial. Objektif utama kajian adalah untuk menilai keupayaan teks sastera dalam mendekonstruksi pengaruh kolonialisme Barat terhadap sejarah sosial Tanah Melayu, khususnya berkaitan kedaulatan identiti Melayu-Islam. Dengan menerapkan kaedah analisis teks secara kualitatif, penelitian ini meneliti representasi watak Natrah (Maria Hertogh) bukan sekadar sebagai individu, malah sebagai simbol pertembungan antara kuasa imperialis dengan maruah budaya tempatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang memanfaatkan naratif fiksyen sejarah untuk mencabar hegemoni undang-undang dan wacana kolonial yang pernah mendominasi tafsiran sejarah peristiwa tersebut. Melalui pembinaan watak dan konflik sosial, novel ini memperlihatkan kewujudan "ruang ketiga" yang menggambarkan proses perundingan identiti bersifat hibrid dalam masyarakat pascakolonial. Selain itu, karya ini turut menonjolkan kebangkitan nasionalisme yang berakar daripada sentimen agama dan solidariti komuniti Melayu terhadap dominasi British. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan kritikan sastera pascakolonial di Malaysia dengan menegaskan peranan sastera kreatif sebagai medium penting dalam merakam semula sejarah bangsa dari perspektif tempatan (pribumi) serta mencabar naratif orientalisme.

ABSTRACT

This study analyzes the deconstruction of nation and the construction of cultural identity in Nazri Hussein's historical novel, *Cinta Natrah*, through the framework of postcolonial theory. The primary objective of the study is

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

to evaluate the capacity of literary texts in deconstructing the influence of Western colonialism on the social history of Malaya, particularly concerning the sovereignty of Malay-Muslim identity. Adopting a qualitative text analysis method, this research examines the representation of Natrah (Maria Hertogh) not merely as an individual, but as a symbol of the clash between imperialist powers and the cultural dignity of the local community. The findings indicate that the author utilizes historical fiction narratives to challenge the legal hegemony and colonial discourse that once dominated the historical interpretation of the event. Through character construction and social conflict, the novel illustrates the existence of a "third space" that depicts the process of hybrid identity negotiation within a postcolonial society. Furthermore, the work highlights the rise of nationalism rooted in religious sentiment and Malay community solidarity against British dominance. This study contributes to the development of postcolonial literary criticism in Malaysia by emphasizing the role of creative literature as a vital medium for re-recording national history from a local (indigenous) perspective and challenging dominant orientalist narratives.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan meneliti novel sejarah Cinta Natrah melalui kerangka pascakolonial dan dekonstruksi, serta memperlihatkan teks sastera Melayu kontemporari mentafsir semula peristiwa Natrah sebagai naratif bangsa, identiti budaya dan penentangan terhadap hegemoni kolonial.

1. Pengenalan

Kesusasteraan sejarah sering berfungsi sebagai medium penting dalam merakam, menilai serta menafsir semula pengalaman masa lampau yang membentuk identiti sesuatu masyarakat. Dalam banyak keadaan, sejarah yang didokumentasikan secara rasmi lazimnya dipengaruhi oleh perspektif kuasa dominan, khususnya kuasa kolonial yang pernah menguasai wilayah tertentu. Oleh itu, karya sastera, khususnya novel fiksyen sejarah, berperanan sebagai ruang alternatif untuk menilai semula naratif sejarah yang telah dibentuk melalui kerangka ideologi tertentu. Melalui pendekatan kreatif dan imaginatif, sastera berupaya mengangkat suara masyarakat tempatan yang sebelum ini kurang diberikan perhatian dalam wacana sejarah arus perdana. Hal ini menjadikan teks sastera bukan sekadar karya estetika, juga sebagai wadah kritikan sosial dan sejarah yang berupaya mencabar dominasi naratif kolonial.

Dalam konteks sejarah Malaysia, peristiwa Natrah atau Maria Hertogh yang tercetus pada tahun 1950 merupakan salah satu episod penting yang memperlihatkan pertembungan antara kuasa kolonial Barat dengan sentimen agama dan identiti masyarakat tempatan. Kes ini bermula sebagai pertikaian undang-undang mengenai hak penjagaan seorang kanak-kanak perempuan yang dibesarkan dalam keluarga Melayu-Islam. Namun kemudiannya berkembang menjadi konflik sosial dan politik yang mencetuskan reaksi besar dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura dan Tanah Melayu. Peristiwa tersebut bukan sahaja menimbulkan persoalan tentang undang-undang kolonial dan kuasa pentadbiran Barat, hal ini turut menyentuh isu yang lebih

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mendalam berkaitan dengan maruah agama, identiti budaya dan kesedaran nasionalisme masyarakat tempatan.

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu kontemporari, novel *Cinta Natrah* karya Nazri Hussein yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2024 muncul sebagai sebuah teks sastera yang cuba menelusuri semula peristiwa sejarah tersebut melalui pendekatan fiksyen sejarah. Novel ini bukan sekadar mengisahkan semula kronologi peristiwa Natrah, juga turut menampilkan interpretasi kreatif terhadap konflik identiti, pertembungan budaya serta perjuangan masyarakat Melayu dalam mempertahankan nilai agama dan budaya mereka. Melalui pembinaan watak, latar sosial dan konflik naratif, teks ini memperlihatkan pengalaman sejarah dapat ditafsir semula melalui perspektif masyarakat tempatan yang pernah berada di bawah pengaruh kolonialisme.

Dari sudut kritikan sastera, analisis terhadap teks seperti novel *Cinta Natrah* dapat diperkukuh melalui kerangka teori pascakolonial yang meneliti hubungan kuasa antara penjajah dan masyarakat yang dijajah. Teori pascakolonial memberi perhatian kepada wacana kolonial membentuk gambaran tertentu tentang masyarakat Timur, serta pendekatan masyarakat tersebut berusaha menuntut semula identiti mereka selepas era penjajahan. Menurut Edward W. Said dalam karya *Orientalism* (1978), wacana kolonial sering membina gambaran tentang Timur sebagai wilayah yang mundur, pasif dan memerlukan bimbingan Barat. Sementara itu, Homi K. Bhabha (1994) menegaskan bahawa identiti budaya dalam masyarakat pascakolonial sering terbentuk melalui proses rundingan dan pertembungan budaya yang menghasilkan identiti hibrid.

Sehubungan itu, penelitian terhadap novel *Cinta Natrah* penting dilaksanakan kerana karya ini berpotensi memperlihatkan fungsi sastera sebagai ruang untuk menilai semula sejarah bangsa, merungkai konflik identiti dan mencabar representasi kolonial yang selama ini mendominasi tafsiran terhadap peristiwa Natrah.

1.1. Permasalah Kajian

Walaupun peristiwa Natrah telah banyak dibincangkan dalam penulisan sejarah, laporan media dan kajian akademik, kebanyakan perbincangan tersebut lebih tertumpu kepada aspek sejarah, politik dan perundangan yang berkaitan dengan kes tersebut. Jadi, permasalahan kajian tentang penelitian terhadap karya sastera, khususnya novel fiksyen sejarah, membina semula naratif peristiwa tersebut dari perspektif masyarakat tempatan masih relatif terhad.

Selain itu, banyak naratif terdahulu mengenai kes Natrah dipengaruhi oleh kerangka kolonial yang menampilkan masyarakat Melayu-Islam sebagai emosional, tradisional dan tidak rasional. Gambaran sedemikian mewujudkan keperluan untuk menilai semula tentang identiti budaya masyarakat tempatan yang diwakili dalam teks sastera kontemporari.

Dalam konteks ini, novel *Cinta Natrah* memberikan ruang penting untuk diteliti kerana karya tersebut bukan sahaja mengangkat semula peristiwa sejarah, malah berpotensi mendekonstruksi naratif kolonial melalui pembinaan watak, konflik sosial dan representasi budaya. Oleh itu, wujud keperluan akademik untuk meneliti cara novel ini membina naratif bangsa dan identiti budaya melalui kerangka teori pascakolonial.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

i. Menganalisis pendekatan dalam novel *Cinta Natrah* mendekonstruksi naratif kolonial berkaitan peristiwa Natrah.
ii. Meneliti pembinaan identiti budaya masyarakat Melayu melalui representasi watak, konflik naratif dan nilai budaya dalam novel tersebut.
iii. Menjelaskan fungsi teks sastera sebagai medium alternatif dalam menafsir semula sejarah bangsa melalui kerangka teori pascakolonial.

2. Sorotan Literatur

Bahagian ini menelusuri kajian-kajian terdahulu yang mempunyai hubungan langsung dengan objektif kajian, khususnya berkaitan dengan naratif sejarah, teori pascakolonial dan konflik identiti dalam kes Natrah. Kajian literatur ini disusun secara tematik bagi membina landasan konseptual yang kukuh sebelum analisis terhadap novel sejarah *Cinta Natrah* dilaksanakan. Secara asasnya, sorotan literatur ini dibahagikan kepada tiga kluster utama, iaitu evolusi novel sejarah sebagai medium pembinaan naratif bangsa, aplikasi teori pascakolonial dalam sastera Melayu, serta kajian berkaitan konflik identiti budaya dan agama dalam polemik Natrah. Melalui sintesis kajian terdahulu, artikel ini meletakkan kedudukannya sebagai usaha untuk melengkapi jurang penyelidikan dalam bidang kritikan sastera pascakolonial di Malaysia.

2.1. Evolusi Novel Sejarah dan Naratif Bangsa

Penulisan novel sejarah dalam sastera Melayu moden sering dilihat sebagai wahana untuk menafsir semula pengalaman sejarah masyarakat tempatan. Menurut Mohd Zariat Abdul Rani (2020), novel sejarah tidak sekadar mengulang fakta masa lampau, juga berfungsi sebagai ruang interpretasi yang membolehkan pengarang menilai semula sejarah daripada perspektif masyarakat yang pernah berada di bawah dominasi kolonial. Dalam artikelnya mengenai penyejarahan baharu dalam novel Melayu. Beliau berhujah bahawa fiksyen sejarah berupaya mengisi kelompangan naratif yang tidak direkodkan secara menyeluruh dalam arkib rasmi kolonial. Hal ini berlaku kerana dokumen sejarah kolonial lazimnya ditulis daripada sudut pandang kuasa yang memerintah, sekali gus menenggelamkan pengalaman masyarakat peribumi.

Pandangan ini selari dengan hujah yang diketengahkan oleh Syed Hussein Alatas (1977) suatu ketika dahulu yang menegaskan bahawa wacana kolonial sering membina imej masyarakat Timur sebagai pasif dan bergantung kepada kuasa Barat. Naratif sedemikian, kemudiannya mempengaruhi cara sejarah ditulis dan difahami oleh generasi selepas itu terutama pada masa kini. Oleh itu, penghasilan karya kreatif yang mengangkat kembali pengalaman sejarah tempatan dapat dilihat sebagai satu usaha intelektual untuk menilai semula warisan kolonial serta mengangkat semula suara masyarakat yang pernah dipinggirkan.

Dalam konteks sastera Melayu kontemporari, kecenderungan untuk menelusuri semula sejarah melalui karya kreatif turut diperkatakan oleh Mawar Safei (2019). Beliau menyatakan bahawa pengarang Melayu moden semakin cenderung menggunakan latar sejarah sebagai medium untuk menggali memori kolektif masyarakat. Melalui pendekatan ini, sejarah tidak lagi dilihat sebagai fakta statik semata-mata, sebaliknya sebagai pengalaman sosial yang boleh ditafsirkan semula melalui imaginasi kreatif.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pengolahan memori kolektif tersebut membolehkan karya sastera menjadi ruang refleksi terhadap persoalan identiti, nasionalisme dan warisan budaya.

Selain itu, kajian oleh Mana Sikana (2020) turut menegaskan bahawa karya sastera mempunyai keupayaan untuk menghidupkan kembali kesedaran sejarah dalam kalangan pembaca. Menurut kajian beliau, penggunaan latar sejarah dalam karya kreatif bukan sekadar elemen estetika, malah berfungsi sebagai strategi naratif yang mampu menghubungkan pengalaman masa lampau dengan realiti sosial semasa. Dalam konteks ini, karya sastera dapat berperanan sebagai medium pendidikan budaya yang membantu masyarakat memahami semula akar sejarah dan identiti bangsa mereka.

Perbincangan mengenai hubungan antara sejarah dan sastera turut diperluas oleh Anthony Milner (2008) yang meneliti pembentukan identiti Melayu dalam kerangka sejarah moden. Milner menjelaskan konsep identiti Melayu tidak terbentuk secara proses sejarah yang panjang ini jika tidak melibatkan interaksi budaya, agama dan politik. Justeru, karya sastera yang menelusuri semula pengalaman sejarah mempunyai potensi besar memperlihatkan dinamika pembentukan identiti tersebut secara lebih mendalam berbanding penulisan sejarah konvensional. Dalam konteks ini, novel sejarah dilihat sebagai satu bentuk naratif balas terhadap dominasi historiografi kolonial. Melalui imaginasi kreatif dan pembinaan watak, pengarang berupaya menonjolkan pengalaman masyarakat tempatan yang jarang diberi perhatian dalam catatan sejarah rasmi. Hal ini membolehkan pembaca memahami peristiwa sejarah daripada perspektif kemanusiaan yang lebih luas.

Selain itu, menurut Kristeva (1980), setiap teks dibina sebagai mozek petikan dan merupakan penyerapan serta transformasi daripada teks lain. Dalam konteks ini, karya sastera berinteraksi dengan catatan sejarah oleh Alijah Gordon (2000) dengan penulisan biografi Maria Hertogh sendiri. Sehubungan dengan itu, kajian Norhayati Ab. Rahman (2022) mengenai intertekstualiti dalam novel sejarah Melayu menunjukkan bahawa pengarang masa kini cenderung melakukan "pembacaan menentang arus" terhadap dokumen arkib. Penyelidikan beliau membuktikan bahawa proses kreatif membolehkan fakta sejarah yang kaku diberikan nyawa melalui dialog dan monolog dalaman watak yang secara tidak langsung mendekonstruksi objektiviti sejarah kolonial yang didakwa oleh pihak British.

Kajian-kajian terdahulu tersebut menunjukkan bahawa novel sejarah dalam sastera Melayu telah berkembang daripada sekadar naratif yang mengulang peristiwa masa lampau kepada medium refleksi kritis terhadap sejarah dan identiti bangsa. Penulisan semula sejarah melalui karya kreatif dapat dilihat sebagai usaha untuk menilai kembali pengalaman kolonial serta menonjolkan suara masyarakat tempatan yang selama ini kurang diberi perhatian dalam wacana sejarah arus perdana. Oleh itu, penelitian terhadap novel *Cinta Natrah* dalam kerangka ini berpotensi memperlihatkan karya fiksyen sejarah dapat berfungsi sebagai ruang untuk menafsir semula konflik identiti dan kuasa dalam sejarah masyarakat Melayu.

2.2. Teori Pascakolonial, Orientalisme dan Hibriditi

Bahagian ini membincangkan kerangka teoritikal yang menjadi asas kepada analisis kajian ini dengan memfokuskan kepada pendekatan pascakolonial sebagai lensa utama. Kerangka ini penting bagi memahami teks sastera menanggapi pengalaman sejarah masyarakat yang pernah berada di bawah dominasi kolonial. Perbincangan ini

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menelusuri beberapa konsep utama dalam teori pascakolonial, khususnya orientalisme, hibriditi dan agensi subjek terjajah yang sering digunakan oleh sarjana bagi menilai pertembungan identiti budaya dalam teks sastera. Dalam masa yang sama, perbincangan turut mengambil kira pemikiran dekonstruksi yang diperkenalkan oleh Jacques Derrida (1976) bagi memperlihatkan sesuatu naratif boleh dibaca secara kritis untuk mendedahkan ideologi kuasa yang tersembunyi dalam wacana kolonial.

Secara asasnya, pemikiran dekonstruksi oleh Derrida menegaskan bahawa makna dalam sesuatu teks tidak pernah bersifat stabil atau mutlak. Menurut Derrida, bahasa sentiasa membina makna melalui hubungan perbezaan dan pertentangan yang lazimnya digambarkan dalam bentuk oposisi berlawanan (binari) seperti Barat–Timur, moden–tradisional atau penjajah–terjajah. Dalam konteks kritikan sastera, pendekatan dekonstruksi membolehkan pengkaji meneliti sesuatu teks yang membina struktur makna tersebut serta struktur itu boleh dipersoalkan atau dibongkar. Oleh itu, dekonstruksi tidak bertujuan memusnahkan teks, cuma mendedahkan percanggahan dalaman yang menunjukkan bahawa sesuatu wacana sebenarnya tidak sekuat atau seteguh yang digambarkan. Pendekatan ini kemudiannya menjadi asas penting kebanyakan kajian pascakolonial kerana akan membuka ruang untuk menilai semula naratif kolonial yang sering dianggap sebagai kebenaran sejarah yang tidak boleh dipertikaikan.

Dalam kerangka pascakolonial, gagasan ini diperluas melalui pemikiran Edward W. Said melalui konsep orientalisme. Dalam karya pentingnya *Orientalism* (1978), Said berhujah bahawa Barat telah membina gambaran tentang Timur sebagai entiti yang lemah, emosional dan tidak rasional. Gambaran tersebut kemudiannya digunakan untuk mengabsahkan dominasi politik dan budaya Barat terhadap masyarakat Timur. Dalam hal ini, orientalisme bukan sekadar stereotaip budaya tetapi merupakan satu sistem pengetahuan yang berfungsi untuk mengekalkan hierarki kuasa antara penjajah dan masyarakat yang dijajah. Oleh itu, analisis terhadap teks sastera melalui kerangka Said membolehkan pengkaji meneliti imej masyarakat Timur dibentuk, dipersoalkan atau dicabar dalam sesuatu naratif.

Selain itu, perkembangan teori pascakolonial turut diperkukuh oleh pemikiran Homi K. Bhabha (1994) yang memperkenalkan konsep hibrid dan ruang ketiga (*third space*). Bhabha menolak pandangan bahawa identiti budaya bersifat tetap dan homogen. Beliau menegaskan bahawa identiti sentiasa terbentuk melalui proses rundingan yang berlaku dalam ruang pertembungan budaya. Konsep hibriditi ini memperlihatkan bahawa hubungan antara penjajah dan masyarakat yang dijajah tidak semata-mata bersifat dominasi satu hala, juga melibatkan proses saling mempengaruhi yang kompleks. Dalam keadaan tersebut, ruang ketiga muncul sebagai medan untuk identiti baharu terbentuk melalui interaksi antara budaya yang berbeza.

Perbincangan mengenai dinamika hubungan kuasa ini turut diperluas melalui konsep *mimicry* dan *ambivalence* yang turut diketengahkan oleh Bhabha (1994). Konsep *mimicry* merujuk kepada keadaan subjek terjajah meniru unsur budaya penjajah, namun peniruan tersebut tidak pernah sempurna. Ketidaksempurnaan ini menghasilkan unsur ambivalensi yang secara tidak langsung boleh menggugat autoriti kolonial. Dalam konteks ini, peniruan yang kelihatan seperti kepatuhan sebenarnya boleh menjadi bentuk penentangan yang halus terhadap dominasi penjajah. Oleh itu, pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti watak-watak dalam teks sastera berunding dengan identiti mereka dalam situasi yang dipengaruhi oleh kuasa kolonial.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sementara itu, persoalan mengenai kedudukan suara masyarakat terpinggir dalam wacana kolonial telah dibincangkan secara kritis oleh Gayatri Chakravorty Spivak, (1988) melalui konsep *subaltern*. Dalam eseinya yang terkenal, *Can the Subaltern Speak?* Spivak mempersoalkan sama ada golongan yang berada di pinggir struktur kuasa benar-benar mempunyai ruang untuk menyuarakan pengalaman mereka sendiri. Beliau berhujah bahawa wacana kolonial sering menenggelamkan suara masyarakat terjajah melalui representasi yang dikawal oleh kuasa politik dan intelektual Barat. Oleh itu, kajian terhadap teks sastera dapat berfungsi sebagai ruang alternatif untuk meneliti tentang suara subjek terjajah diwakili, dibungkam atau dipulihkan dalam naratif budaya.

Dalam konteks Malaysia, penerapan teori pascakolonial telah membantu sarjana tempatan menilai semula pengalaman sejarah masyarakat yang pernah berada di bawah pemerintahan kolonial. Pendekatan ini membolehkan karya sastera dilihat bukan sekadar sebagai produk estetika, juga sebagai medium refleksi terhadap sejarah, identiti dan kuasa budaya (Sharifah Aishah Osman, 2021). Melalui kerangka pascakolonial, teks sastera dapat dianalisis sebagai ruang naratif dominan kolonial dipersoalkan serta pengalaman masyarakat tempatan diberi makna baharu. Peristiwa Natrah sering dilihat sebagai salah satu contoh konflik identiti yang memperlihatkan pertembungan antara sistem nilai Barat dengan tradisi masyarakat Melayu-Islam. Naratif yang dibina oleh media kolonial banyak dipengaruhi oleh sudut pandang orientalis yang menggambarkan masyarakat tempatan sebagai emosional dan tidak rasional. Oleh itu, analisis terhadap karya kreatif yang menelusuri semula peristiwa tersebut, membuka ruang untuk menilai naratif alternatif dapat dibina bagi mencabar representasi kolonial yang bersifat berat sebelah (Mohd Faizal Musa, 2023).

Secara keseluruhannya, integrasi pemikiran daripada Derrida, Said, Bhabha dan Spivak membentuk satu kerangka analisis yang komprehensif untuk meneliti hubungan antara teks sastera, sejarah dan kuasa budaya. Pendekatan dekonstruktif membolehkan pengkaji membongkar struktur wacana kolonial yang tersembunyi dalam naratif sejarah, manakala teori pascakolonial pula memberikan kerangka untuk memahami identiti budaya dirunding dan dibentuk dalam konteks masyarakat yang pernah dijajah. Oleh itu, kerangka teoritikal ini menjadi asas penting bagi menganalisis novel *Cinta Natrah* berfungsi sebagai medium untuk menilai semula konflik identiti dan representasi budaya dalam sejarah masyarakat Melayu.

2.3. Konflik Identiti, Agama dan Kedaulatan Budaya

Peristiwa Natrah sering dibincangkan dalam wacana sejarah Malaysia sebagai salah satu episod penting yang memperlihatkan pertembungan antara identiti agama, budaya dan kuasa kolonial. Dalam konteks historiografi tempatan, konflik tersebut tidak sekadar dilihat sebagai pertikaian undang-undang mengenai hak penjagaan seorang kanak-kanak, turut mencerminkan ketegangan yang lebih luas antara nilai masyarakat Melayu-Islam dengan sistem pentadbiran kolonial. Kajian oleh Arba'iyah Mohd Noor (2019), menunjukkan bahawa rusuhan Natrah pada tahun 1950 merupakan manifestasi kemarahan kolektif masyarakat Melayu terhadap keputusan mahkamah kolonial yang dianggap mencabar sensitiviti agama dan identiti budaya mereka. Analisis beliau dalam kajian sejarah tempatan menegaskan bahawa peristiwa tersebut memperlihatkan sentimen agama dan solidariti budaya mampu mencetuskan mobilisasi masyarakat dalam mempertahankan maruah identiti mereka.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam kerangka yang lebih luas, konflik ini juga boleh difahami sebagai pertembungan antara sistem nilai Barat yang berteraskan undang-undang sivil dengan tradisi masyarakat Melayu yang berakar pada ajaran Islam. Perkara ini turut dihuraikan oleh Syed Hussein Alatas (1977) yang menegaskan bahawa kolonialisme bukan sahaja melibatkan penguasaan politik dan ekonomi, juga usaha untuk membentuk semula sistem nilai masyarakat yang dijajah. Dalam hal ini, dominasi kolonial sering beroperasi melalui wacana yang meletakkan budaya Barat sebagai lebih rasional dan moden, manakala tradisi tempatan dilihat sebagai ketinggalan. Oleh itu, konflik seperti kes Natrah memperlihatkan masyarakat tempatan menolak naratif tersebut melalui tindakan kolektif yang mempertahankan identiti agama dan budaya mereka.

Selain itu, dimensi identiti budaya dalam masyarakat Melayu turut dibincangkan oleh Anthony Milner (2008) yang menekankan bahawa konsep kemelayuan terbentuk melalui hubungan yang rapat antara agama, bahasa dan adat. Dalam kerangka ini, Islam bukan sekadar unsur spiritual, perkara ini menjadi komponen asas dalam pembentukan identiti sosial masyarakat Melayu. Oleh itu, sebarang percubaan untuk memisahkan identiti Melayu daripada agama Islam sering dilihat sebagai ancaman terhadap struktur budaya yang lebih luas. Dalam konteks peristiwa Natrah, isu akidah dan identiti agama menjadi titik tumpu yang mencetuskan reaksi emosi yang mendalam dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam.

Perbincangan mengenai kedaulatan budaya ini turut diperkukuh oleh pandangan Zainal Abidin Borhan (2020) yang menegaskan bahawa kebudayaan berfungsi sebagai asas kepada kelangsungan sesebuah bangsa. Menurut beliau, kebudayaan tidak hanya merujuk kepada amalan tradisi atau ritual sosial, hal ini merangkumi keseluruhan sistem nilai yang membentuk cara masyarakat memahami diri dan sejarah mereka. Oleh itu, usaha mempertahankan budaya sebenarnya merupakan sebahagian daripada perjuangan mempertahankan kedaulatan identiti (Farish A. Noor, 2021). Pandangan ini memberikan perspektif penting dalam memahami konflik yang melibatkan agama dan budaya boleh berkembang menjadi simbol perjuangan kolektif dalam masyarakat yang pernah mengalami pengalaman penjajahan.

Dalam hubungan ini, analisis media kolonial terhadap peristiwa Natrah turut memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi global terhadap konflik tersebut. Kajian oleh Md. Sidin Ahmad Ishak (2020) menunjukkan bahawa akhbar-akhbar Barat pada waktu itu sering menggambarkan masyarakat Melayu sebagai bertindak secara emosional dan fanatik agama, manakala pihak kolonial diposisikan sebagai pelindung kepada kebebasan individu. Pembingkaian media seperti ini mencerminkan kecenderungan orientalis yang menilai masyarakat Timur melalui sudut pandang Barat. Representasi sedemikian bukan sahaja mempengaruhi persepsi antarabangsa terhadap konflik tersebut, perkara ini juga menyumbang kepada pembentukan naratif sejarah yang berat sebelah (Dharmawan, 2024).

Sehubungan itu, karya sastera yang menelusuri semula peristiwa Natrah dapat dilihat sebagai usaha untuk menilai kembali representasi sejarah yang dibentuk oleh wacana kolonial. Dalam konteks ini, novel *Cinta Natrah* oleh Nazri Hussein (2024) membuka ruang untuk memahami semula konflik tersebut melalui perspektif masyarakat tempatan yang jarang diberi perhatian dalam rekod sejarah rasmi. Dengan mengangkat pengalaman emosi, kepercayaan dan nilai budaya watak-watak Melayu, teks sastera tersebut berfungsi sebagai medium untuk memaparkan dimensi kemanusiaan yang sering terpinggir dalam penulisan sejarah konvensional.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa konflik identiti dalam kes Natrah tidak boleh difahami secara terpisah daripada konteks sejarah kolonial yang lebih luas. Pertembungan antara sistem nilai Barat dengan tradisi masyarakat Melayu-Islam telah mencetuskan perdebatan yang melibatkan isu agama, budaya dan kedaulatan bangsa. Oleh itu, analisis terhadap karya sastera yang mengangkat peristiwa ini berpotensi memberikan perspektif baharu dalam memahami cara naratif sejarah dibentuk, dipersoalkan dan ditafsirkan semula dalam konteks masyarakat pascakolonial. Melalui pendekatan ini, kajian terhadap novel *Cinta Natrah* dapat memperlihatkan sastera berfungsi sebagai ruang untuk menilai kembali memori sejarah dan mengartikulasikan semula identiti budaya masyarakat Melayu.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan memfokuskan kepada analisis teks secara mendalam terhadap novel sejarah *Cinta Natrah*. Pendekatan kualitatif dipilih kerana sifat kajian ini yang bertujuan menafsir makna, ideologi dan representasi budaya yang terkandung dalam teks sastera. Dalam konteks kajian sastera, teks bukan sekadar medium penceritaan juga berfungsi sebagai dokumen budaya yang mencerminkan pengalaman sejarah, konflik identiti dan hubungan kuasa dalam masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini meneliti naratif dalam novel sejarah *Cinta Natrah* membina semula peristiwa sejarah melalui perspektif masyarakat tempatan serta cara teks tersebut mencabar wacana kolonial yang dominan. Bagi memastikan proses analisis dijalankan secara sistematik, metodologi kajian ini dibahagikan kepada tiga komponen utama, iaitu reka bentuk kajian, prosedur pengumpulan data dan kerangka analisis teks.

3.1 Reka Bentuk Kajian: Analisis Kandungan Kualitatif

Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan kualitatif (*qualitative content analysis*) bagi meneliti unsur naratif dan makna tersirat yang terdapat dalam teks novel. Kaedah ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema, simbol dan struktur makna yang membentuk representasi identiti budaya dalam karya sastera. Dalam pendekatan ini, teks dianalisis secara interpretatif dengan memberi tumpuan kepada sesuatu naratif dibina serta ideologi yang mendasari penceritaan tersebut.

Melalui kerangka ini, novel sejarah *Cinta Natrah* tidak hanya dilihat sebagai karya fiksyen semata-mata, malah sebagai teks budaya yang mencerminkan pengalaman sejarah masyarakat Melayu-Islam dalam menghadapi dominasi kolonial. Oleh itu, strategi pembacaan rapi (*close reading*) digunakan bagi meneliti unsur naratif seperti dialog, monolog, latar peristiwa dan pembinaan watak yang berkaitan dengan konflik identiti serta pertembungan nilai antara budaya tempatan dan kuasa kolonial.

Pendekatan *close reading* membolehkan pengkaji meneliti struktur bahasa dan penceritaan secara mendalam bagi mengenal pasti makna tersirat yang mungkin tidak kelihatan melalui pembacaan biasa. Kaedah ini amat sesuai digunakan dalam kajian sastera kerana memberikan ruang kepada analisis yang teliti terhadap simbolisme, metafora serta strategi naratif yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan ideologi tertentu.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.2. Prosedur Pengumpulan Data

Data kajian ini diperoleh melalui dua sumber utama iaitu data primer dan data sekunder. Pertama, data primer terdiri daripada teks novel sejarah *Cinta Natrah* karya Nazri Hussein (2024) yang menjadi bahan utama analisis kajian ini. Teks tersebut dibaca secara berulang bagi mengenal pasti petikan-petikan penting yang memaparkan konflik identiti, pertembungan nilai budaya serta representasi kuasa kolonial. Petikan yang dikenal pasti, kemudiannya dikategorikan mengikut tema tertentu seperti konflik agama, kedaulatan budaya dan hubungan kuasa antara penjajah dan masyarakat tempatan.

Seterusnya, data sekunder pula diperoleh melalui kajian kepustakaan yang merangkumi buku akademik, artikel jurnal dan dokumen sejarah yang berkaitan dengan peristiwa Natrah serta teori pascakolonial. Sumber sekunder ini penting bagi menyediakan konteks sejarah dan teoritikal yang menyokong interpretasi terhadap data primer. Selain itu, rujukan kepada kajian-kajian terdahulu juga membantu memperkukuh hujah analisis dengan menghubungkannya dengan wacana akademik yang lebih luas.

3.3. Instrumen Analisis: Kerangka Dekonstruksi dan Pascakolonial

Bagi menjawab objektif kajian, data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik yang berpaksikan kepada kerangka dekonstruksi dan teori pascakolonial. Kerangka ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam meneliti hubungan antara teks sastera dengan struktur kuasa kolonial yang membentuk naratif sejarah.

Pendekatan dekonstruksi yang diperkenalkan oleh Jacques Derrida digunakan untuk meneliti cara teks membina dan pada masa yang sama menggugat struktur makna yang dominan dalam naratif kolonial. Melalui pendekatan ini, pengkaji mengenal pasti pertentangan binari (*binary oppositions*) yang sering muncul dalam wacana kolonial seperti isu Barat dan Timur, moden dan tradisional serta penjajah dan terjajah. Analisis terhadap pertentangan ini membolehkan pengkaji melihat pendekatan pengarang merombak atau mencabar hierarki kuasa yang tersirat dalam naratif sejarah.

Selain itu, analisis turut diperkukuh melalui kerangka pascakolonial yang diasaskan oleh Edward W. Said, Homi K. Bhabha dan Gayatri Chakravorty Spivak. Konsep orientalisme oleh Said digunakan untuk meneliti tentang masyarakat Timur diwakili dalam wacana kolonial, manakala konsep hibriditi dan mimicry yang diketengahkan oleh Bhabha membantu menjelaskan proses rundingan identiti yang berlaku dalam ruang pertembungan budaya. Sementara itu, konsep subaltern oleh Spivak memberikan perspektif kritikal terhadap kedudukan suara masyarakat yang terpinggir dalam naratif sejarah dominan. Melalui integrasi kedua-dua pendekatan ini, analisis kajian memberi tumpuan kepada teks novel sejarah *Cinta Natrah* yang membina semula naratif sejarah dengan menonjolkan pengalaman masyarakat tempatan serta mencabar representasi kolonial yang bersifat hegemonik. Pendekatan ini juga membolehkan pengkaji meneliti identiti budaya dan agama dirundingkan dalam naratif sastera sebagai respons terhadap pengalaman kolonial.

Secara keseluruhannya, kerangka metodologi yang digunakan dalam kajian ini menyediakan panduan sistematik untuk meneliti hubungan antara teks sastera, sejarah dan kuasa budaya. Penggunaan analisis kandungan kualitatif yang digabungkan dengan strategi *close reading* membolehkan kajian ini menelusuri lapisan makna yang lebih

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mendalam dalam teks. Keselarasan antara prosedur pengumpulan data dengan kerangka analisis dekonstruksi dan pascakolonial juga memastikan bahawa interpretasi yang dihasilkan berpaksikan kepada bukti tekstual yang jelas. Dengan pendekatan ini, kajian ini berupaya menghasilkan analisis yang bukan sahaja menjawab objektif penyelidikan serta turut menyumbang kepada perbincangan yang lebih luas mengenai peranan sastera dalam menilai semula naratif sejarah dan identiti budaya dalam konteks masyarakat pascakolonial.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini membentangkan analisis dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah digariskan. Perbincangan ditumpukan kepada pendekatan dalam novel *Cinta Natrah* karya Nazri Hussein berfungsi sebagai teks dekonstruksi yang mencabar naratif kolonial melalui pembinaan semula imej bangsa dan identiti budaya.

4.1. Dekonstruksi Imej Natrah: Daripada Subjek Terjajah kepada Simbol Kedaulatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Nazri Hussein melakukan dekonstruksi radikal terhadap imej Natrah (Maria Hertogh) yang selama ini dalam naratif Barat yang digambarkan sebagai mangsa penculikan budaya atau subjek yang tidak mempunyai agensi. Melalui lensa dekonstruksi, pengarang meruntuhkan pertentangan antara Barat (penyelamat) menentang (vs) Timur (penindas) yang sering dimainkan oleh media kolonial seperti yang dibincangkan oleh Md. Sidin (2020). Nazri Hussein memaparkan Natrah bukan sebagai subjek yang pasif, sebaliknya sebagai watak yang memiliki kesedaran identiti yang kuat terhadap Islam dan budaya Melayu. Contohnya, dalam salah satu petikan surat yang kritikal, pengarang menggambarkan keteguhan hati Natrah:

> *... Nat nak terus belajar di Sekolah Rendah Perempuan Chukai seperti dahulu. Nat nak mengaji al-Quran dan bersolat seperti diajar oleh mak.* (Nazri Hussein, hlm. 145).

Petikan ini secara eksplisit membuktikan konsep agensi subaltern (Spivak, 1988) dan penolakan terhadap orientalisme (Said, 1978), dengan meletakkan iman yakni syahadah sebagai identiti utama. Pengarang telah mendekonstruksi imej Natrah daripada seorang gadis Belanda kepada seorang wanita yang memilih kedaulatan imannya. Tindakan ini membalikkan naratif Barat yang mendakwa bahawa masyarakat Melayu memaksa Natrah; sebaliknya, novel ini menonjolkan bahawa keinginan untuk kekal dalam Islam adalah manifestasi hibriditi yang sedar iaitu Natrah menolak untuk kembali menjadi subjek kolonial yang mutlak.

Hujah ini selari dengan pandangan Zariat (2020) bahawa sastera berfungsi sebagai sejarah alternatif. Nazri Hussein tidak hanya menulis fiksyen, beliau juga sedang membetulkan herotan sejarah dengan memberikan suara yang telah dipadamkan oleh sistem perundangan British pada tahun 1950.

Seterusnya, pengembangan analisis terhadap watak Natrah mendedahkan satu bentuk ambivalensi identiti yang rencam. Nazri Hussein secara halus mendekonstruksi tanggapan bahawa jati diri adalah sesuatu yang diwarisi secara biologis (darah Belanda), sebaliknya beliau menekankan bahawa jati diri adalah hasil daripada asuhan budaya dan pegangan akidah. Di sini, pengarang sengaja mempertentangkan dua kutub

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

jati diri: Barat yang diwakili oleh legalisme sekular dan Timur yang diwakili oleh spiritualiti Islam.

Dalam novel ini, jati diri Barat Natrah dipaksakan melalui instrumen undang-undang dan pengiktirafan ibu bapa kandungnya. Namun pengarang membalikkannya dengan menunjukkan bahawa jiwa Natrah telah pun mengalami proses dekolonisasi yang lengkap. Hal ini dapat dilihat melalui naratif pengarang:

> *"Kita kena pertahankan akidah Nat walau apa-apapun yang berlaku. Nat sudah lengkap sebagai seorang muslimah yang sempurna. Ilmu agama Nat juga sempurna. Nat fasih mengaji dan menunaikan solah,"* (Nazri Hussein, hlm. 83).

Begitu juga dengan perikan berikut;

> *Di sekolah, dia menyembunyikan kain telekung di celah beg sekolah. Dia masih bersolat seperti waktu belajar di Kemaman dahulu.* (Nazri Hussein, hlm. 252-253).

Petikan tersebut meruntuhkan esensialisme Barat yang mendakwa bahawa seseorang itu akan sentiasa menjadi Barat kerana keturunannya. Melalui konsep mimicry yang terbalik iaitu subjek Barat (Natrah) yang secara sukarela mengadopsi budaya Timur. Nazri Hussein mencabar hegemoni budaya kolonial dengan mengatakan Natrah bukan lagi Maria yang merupakan projeksi keinginan Barat untuk menyelamatkan anak mereka tetapi beliau adalah ejen yang memilih untuk mengekalkan jati diri Timurnya sebagai satu bentuk penentangan.

Oleh itu, konflik jati diri ini bukan sekadar krisis peribadi, ia merupakan metafora kepada kedaulatan bangsa. Apabila Natrah memilih untuk mempertahankan cara hidup Melayu-Islam, beliau sebenarnya sedang mendekonstruksi naratif superioriti Barat. Hal ini selari dengan hujah Sharifah Aishah Osman (2020) mengenai rundingan identiti; bahawa identiti pascakolonial adalah bersifat dinamik. Natrah dalam novel ini adalah manifestasi kepada jati diri yang tidak boleh dijajah, lantas membuktikan bahawa kedaulatan sesebuah bangsa bermula daripada kedaulatan jiwa individunya.

Selain itu, akidah merupakan benteng terakhir dekonstruksi identiti. Elemen paling kritikal dalam dekonstruksi imej Natrah adalah peralihan paksi identiti daripada sekadar budaya kepada aspek akidah yang teosentrik. Nazri Hussein menggambarkan akidah sebagai satu-satunya ruang yang tidak mampu dijajah oleh kuasa British, walaupun tubuh fizikal Natrah berada di bawah kawalan undang-undang sivil. Di sini, pengarang menggunakan konsep ruang ketiga (Bhabha, 1994) untuk menunjukkan bahawa dalam jiwa Natrah, terdapat satu zon kedaulatan mutlak yang tidak terjangkau oleh hegemoni Barat.

Hal ini dizahirkan melalui ketegasan watak Natrah dalam mempertahankan pegangannya ketika berhadapan dengan tekanan pihak biara:

> *Nat sudah berada di kediaman ibunya di Bergen op Zoom. .. Nak meminta disediakan senaskah al-Quran untuk dibaca. Nak dikhabarkan mencari-cari bangunan masjid seperti mana ketika berada di Kampung Banggol dahulu.* (Nazri Hussein, hlm. 249).

Melalui naratif ini, Nazri Hussein melakukan dekonstruksi terhadap autoriti undang-undang kolonial. Beliau menghujahkan bahawa kedaulatan sebenar bukan terletak pada

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengesahan mahkamah sebaliknya pada keteguhan akidah individu. Tindakan Natrah memegang teguh iman Islamnya di tengah-tengah persekitaran Barat adalah satu bentuk penentangan subaltern yang paling radikal. Hal ini membuktikan bahawa naratif Barat mengenai "kebebasan" sebenarnya bersifat hipokrit; mereka menawarkan kebebasan, pada masa yang sama memaksa Natrah melepaskan akidahnya.

Analisis ini selari dengan pandangan Faridah Ibrahim & Mohd Safar Hasim (2021) bahawa identiti Melayu yang berteraskan Islam bersifat teosentrik. Dengan mengangkat tema akidah, Nazri Hussein berjaya membuktikan bahawa dekonstruksi naratif bangsa dalam novel ini bukan sekadar perjuangan politik, ia merupakan perjuangan kesucian agama. Penekanan terhadap akidah ini mengukuhkan lagi hujah Arba'iyah Mohd Noor (2019) bahawa rusuhan Natrah adalah manifestasi kemuncak nasionalisme yang berakar daripada kesedaran membela kesucian Islam. Justeru, akidah dalam novel ini berfungsi sebagai simbol kedaulatan bangsa yang paling tinggi yang akhirnya meruntuhkan segala naratif orientalisme yang cuba merendahkan martabat umat Islam pada waktu itu.

4.2. Konflik Perundangan Syariah menentang Sivil: Pertembungan Autoriti dan Kedaulatan

Dalam bahagian ini, analisis difokuskan kepada cara Nazri Hussein menggunakan latar mahkamah untuk mendekonstruksi ketidakadilan sistem perundangan kolonial. Mahkamah dalam novel ini bukan sekadar ruang perbicaraan tetapi merupakan simbol hegemoni Barat yang cuba memadamkan autoriti peribumi.

4.2.1. Dualisme Undang-undang dan Penindasan Suara Peribumi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel *Cinta Natrah* mendedahkan kepincangan dualisme undang-undang di Tanah Melayu pada waktu itu. Nazri Hussein menggambarkan Undang-undang Sivil British digunakan sebagai alat untuk membatalkan hak Undang-undang Syariah yang telah mengesahkan perkahwinan Natrah dengan Mansor Adabi.

Pengarang menonjolkan konflik ini melalui ketegangan di bilik perbicaraan:

> *"Dalam perundangan British, perkahwinan di bawah usia tiga belas tahun tidak sah dan terbatal. Hanya perempuan berusia enam belas ke atas diakui serta layak menerima sijil pernikahan. Ini bermakna Che Aminah dan Mansur Adabi melakukan muslihat atas perkahwinan ini."* (Nazri Hussein, hlm. 225).

Dialog tersebut mencerminkan perkara yang disebut oleh Hafiz Arif (2022) sebagai penindasan sistemik terhadap institusi Islam. Nazri Hussein mendekonstruksi dialog ini untuk menunjukkan bahawa British tidak menghormati kontrak sosial dan agama penduduk tempatan. Dengan memaparkan keangkuhan hakim kolonial, novel ini berjaya membangkitkan kesedaran pembaca bahawa sistem perundangan Barat sebenarnya adalah instrumen untuk mengekalkan kuasa, bukannya untuk menegakkan keadilan sejagat.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2.2. Mahkamah sebagai Ruang Hegemoni dan Silence (Kesenyapan)

Seterusnya, analisis mendapati mahkamah berfungsi sebagai ruang untuk mensenyapkan subjek terjajah. Berdasarkan konsep Subaltern oleh Spivak (1988), watak Mansor Adabi dan masyarakat Islam digambarkan sebagai pihak yang mempunyai hujah namun suara mereka tidak diiktiraf oleh struktur mahkamah. Hal ini jelas melalui petikan berikut;

> *Semuanya kekal diam. Hanya di luar terdengar suara hiruk-pikuk. Kuat dan bergema. Bagaikan halilintar.* (Nazri Hussein, hlm 236).

Juga petikan berikut;

> *Berita rasmi daripada semua saluran radio menyebut 18 nyawa melayang, 173 cedera termasuk parah, 200 kenderaan musnah dibakar. Kerajaan British mengisytiharkan perintah berkurung selama dua hari dan dua malam.* (Nazri Hussein, hlm. 240)

Nazri Hussein mencabar kesenyapan ini dengan menggambarkan reaksi massa di luar mahkamah. Pengarang mendekonstruksi naratif rusuhan yang sering dilabel oleh Barat sebagai tindakan ganas, sebaliknya beliau mengangkatnya sebagai protes perundangan. Hal ini selari dengan kajian Arba'iyah Mohd Noor (2019) yang melihat rusuhan tersebut sebagai manifestasi tuntutan kedaulatan. Dalam novel, kemarahan rakyat adalah respons terhadap pencabulan prinsip keadilan yang dilakukan oleh mahkamah sivil terhadap mahkamah syariah.

4.2.3. Tuntutan Semula Kedaulatan melalui Naratif Kreatif

Seterusnya bahagian melihat novel ini bertindak sebagai mahkamah alternatif. Nazri Hussein menggunakan kuasa naratif untuk memberikan kemenangan moral kepada pihak yang kalah di mahkamah sebenar pada tahun 1950. Sebagai contoh melalui petikan berikut;

> *"Kita tidak kalah tetapi kemenangan ditangguhkan."* (Nazri Hussin, hlm. 242).

Juga dalam petikan berikut;

> *Satu pengkisahan yang tragis antara air mata, cinta dan rumusan manusia. Hakim Justice Brown terkial-kial sendirian. Mencari kebenaran yang dirasakan belum muncul.* (Nazri Hussein, hlm. 243).

Melalui teknik dekonstruksi, pengarang menunjukkan bahawa walaupun secara fizikal Natrah dibawa pulang ke Belanda, namun secara moral dan legalistik Islam, kedaulatan identiti Natrah tetap utuh. Hal ini adalah suatu bentuk penentangan intelektual yang disebut oleh Norazimah Zakaria (2021) sebagai usaha menuntut semula ruang autoriti bagi suara peribumi dalam teks kreatif. Novel ini secara tidak langsung mendidik pembaca bahawa kedaulatan bangsa sangat bergantung kepada integriti sistem perundangan yang berakar daripada jati diri sendiri, bukannya pinjaman kolonial.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3. Peranan Memori Kolektif dalam Membina Semula Naratif Bangsa

Bahagian terakhir ini meneliti pengolahan memori kolektif dalam novel berfungsi sebagai strategi dekolonialisasi untuk mengukuhkan jati diri bangsa moden.

4.3.1. Memulih Memori: Melawan Amnesia Sejarah

Analisis mendapati bahawa Nazri Hussein menggunakan teknik naratif untuk menghidupkan semula memori kolektif yang kian pudar. Menurut Mawar Safei (2019), pengolahan semula peristiwa sejarah dalam fiksyen adalah satu bentuk penyuburan ingatan terhadap perjuangan bangsa. Dalam novel ini, memori tentang pengorbanan masyarakat Melayu yang berkumpul di Padang Kelab Sultan Sulaiman digambarkan dengan penuh emosi;

> *Di luar mahkamah, ada jeritan melantun-lantun kuat dan hingar. Matanya memerhati dari jendela yang sedikit terbuka. Dia sebak. Ada ribuan manusia berhimpun hingga kawasan masjid. Jumlahnya terlalu ramai. Tidak pernah dia melihat manusia seramai itu.* (Nazri Hussein, hlm. 223).

Petikan ini berfungsi mendekonstruksi naratif kolonial yang sering mengecilkan peranan massa dalam sejarah. Dengan mengangkat memori kolektif ini, novel tersebut bertindak sebagai medium dekolonialisasi pemikiran, mengingatkan pembaca bahawa kedaulatan bangsa bermula daripada kesatuan tindakan yang berakar pada sejarah yang benar.

4.3.2. Nostalgia sebagai Strategi Penentangan (Resistant)

Berbeza dengan nostalgia pasif, Nazri Hussein menggunakan nostalgia restoratif. Berdasarkan pandangan Mana Sikana (2020). Nostalgia dalam sastera sejarah bertujuan untuk membangkitkan semula nilai-nilai murni yang pernah hilang semasa zaman penjajahan. Novel ini tidak sekadar meratapi kegagalan mengekalkan Natrah, tetapi meraikan keberanian bangsa dalam mempertahankan prinsip agama. Sebagai contoh dalam petikan berikut;

> *... orang ramai sudah memenuhi jalan raya untuk satu perhimpunan yang lebih besar. Kata sesetengah penduduk, perhimpunan terakhir untuk satu jiwa. Ya, jiwa yang sedang lara. Perarakan menuju ke kawasan mahkamah.* (Nazri Hussein, hlm. 233).

Juga petikan berikut;

> *Ada suara bertempik dari belakang. Langka h terus bergerak mara meskipun bersesak. Di dalam masjid Sultan, terdengar alunan takbir bergema dari atas menara. Tasbih dan tahmid juga.* (Nazri Hussein, hlm. 235)

Dekonstruksi dilakukan dengan mengubah kekalahan fizikal iaitu kehilangan Natrah ke Belanda kepada kemenangan spiritual. Memori tentang kekalahan yang bermaruah ini menjadi penggerak kepada pembentukan jati diri generasi muda agar lebih peka terhadap ancaman neo-kolonialisme budaya yang lebih halus pada masa kini.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3.3. Sastera sebagai Arkib Kedaulatan Masa Hadapan

Akhir sekali, dapatan menunjukkan bahawa novel *Cinta Natrah* berfungsi sebagai sebuah arkib yang menyimpan rahsia ketahanan bangsa. Hal ini selari dengan hujah Siti Hajar Che Man (2021) bahawa sastera kontemporari berperanan sebagai jambatan memori. Nazri Hussein membuktikan bahawa dengan menulis semula peristiwa Natrah melalui perspektif peribumi, beliau sedang membina satu benteng intelektual.

Sebagai contoh;

> *"Ini isu yang jauh lebih besar. Isu akidah yang cuba dipermainkan oleh kerajaan penjajah. Sepatutnya semua pemimpin turun ke jalan raya hari ini memberi sokongan.* (Nazri Hussein, hlm. 234).

Memori kolektif yang didekonstruksi ini memastikan bahawa naratif bangsa tidak lagi bergantung kepada sumber Barat semata-mata, sebaliknya berakar umbi daripada pengalaman empirikal dan emosional bangsa itu sendiri. Justeru, novel ini berjaya memposisikan semula sejarah Natrah bukan sebagai titik hitam, sebaliknya sebagai titik tolak kedaulatan naratif bangsa yang merdeka.

5. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa novel sejarah *Cinta Natrah* karya Nazri Hussein bukan sekadar sebuah naratif fiksyen, ia bertindak sebagai instrumen dekonstruksi intelektual yang kritikal terhadap hegemoni kolonial. Melalui lensa pascakolonial, penelitian ini merumuskan bahawa proses dekonstruksi dalam novel tersebut berjaya meruntuhkan naratif orientalisme menerusi pemulihan agensi subjek, kritikan terhadap dualisme perundangan, dan pengukuhan memori kolektif. Pengarang secara strategik mengubah imej Natrah daripada mangsa pasif kepada ejen yang berdaulat melalui keteguhan akidah, sekali gus mendedahkan hipokrasi sistem perundangan sivil British yang meminggirkan autoriti syariah. Dengan mengangkat peristiwa sejarah sebagai memori restoratif, naskhah *Writing Back* ini berjaya menuntut semula kedaulatan naratif bangsa yang pernah dicemari oleh perspektif Barat, sekali gus membuktikan bahawa identiti Melayu-Islam mempunyai daya tahan yang tinggi dalam mendepani asimilasi budaya luar.

Sumbangan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap bidang kritikan sastera di Malaysia dengan memperkukuh penggunaan pendekatan dekonstruksi bagi mencungkil kebenaran alternatif yang lebih adil bagi pihak yang dijajah. Bagi memperluas ufuk penyelidikan masa hadapan, sarjana disarankan untuk melakukan analisis komparatif antara novel ini dengan naskhah Barat bagi melihat kontras representasi secara lebih mendalam. Selain itu, penggunaan lensa feminisme pascakolonial terhadap agensi watak wanita serta kajian adaptasi transmedia juga berpotensi memberikan perspektif segar terhadap impak naratif sastera dalam membina memori kolektif masyarakat awam. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa kedaulatan sesebuah bangsa sangat bergantung kepada keupayaan sastera dalam merakam dan menafsir semula sejarah mengikut acuan identiti sendiri.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik tidak memerlukan kelulusan etika dan persetujuan untuk menyertai kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan dengan perlaksanaan dan penulisan kajian.

Rujukan

Arba'iyah Mohd Noor. (2019). Peristiwa Natrah: Konflik identiti dan kemarahan kolektif di Tanah Melayu. *Jurnal Sejarah*, 28(1), 45-62. https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/18318

Bhabha, H. K. (1994). *The location of culture*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9780203820551

Derrida, J. (1976). *Of grammatology* (G. C. Spivak, Trans.). Johns Hopkins University Press. https://archive.org/details/ofgrammatology00derr

Dharmawan, A. (2024). *Nusantara in fiction: Hybrid identities and postcolonial narratives*. Oxford University Press. https://global.oup.com/academic/

Faridah Ibrahim, & Mohd Safar Hasim. (2021). *Komunikasi, budaya dan politik di Malaysia*. Penerbit UKM. https://penerbit.ukm.my/wp-content/uploads/2021/04/Komunikasi-Budaya-dan-Politik-di-Malaysia.pdf

Farish A. Noor. (2021). *Data-collecting and its discontents: Colonial archives and the making of regional history*. Amsterdam University Press. https://doi.org/10.1515/9789048550180

Hafiz Arif. (2022). *Sistem perundangan kolonial dan impaknya terhadap institusi syariah di Tanah Melayu*. Penerbit UM. https://www.worldcat.org/title/1355474936

Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications. https://dx.doi.org/10.4135/9781071878781

Kristeva, J. (1980). *Desire in language: A semiotic approach to literature and art*. Columbia University Press. https://cup.columbia.edu/book/desire-in-language/9780231048071

Mana Sikana. (2020). *Teori dan kritikan sastera: Pascamodenisme*. Dewan Bahasa dan Pustaka. https://m.dbp.gov.my/index.php/buku/pascamodenisme

Mawar Safei. (2019). *Narasi memori dalam sastera Melayu kontemporari*. Penerbit UKM. https://www.worldcat.org/title/1126601614

Md. Sidin Ahmad Ishak. (2020). *Media dan penjajahan: Bingkai orientalisme dalam akhbar kolonial*. Penerbit UM. https://press.um.edu.my/index.php?route=product/product&product_id=744

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Milner, A. (2008). *The Malays*. Wiley-Blackwell. https://doi.org/10.1002/9781119054764

Mohd Faizal Musa. (2023). Wira dan wirawati yang dilupakan: Naratif alternatif dalam novel sejarah Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication,* 39(1), 210-228. https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-13

Mohd Zariat Abdul Rani. (2020). *Penyejarahan baharu dalam novel Melayu: Satu penilaian kritis*. Jurnal Melayu, 19(2), 120-135. https://journalarticle.ukm.my/15674/

Nazri Hussein. (2024). *Cinta Natrah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. https://jendeladbp.my/

Norazimah Zakaria. (2021). Sastera sejarah sebagai wacana penentangan: Analisis teks terpilih. *Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 12-29. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM

Norhayati Ab. Rahman. (2022). *Intertekstualiti dan transformasi teks dalam sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. https://m.dbp.gov.my/

Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books. https://archive.org/details/orientalism00edwa

Spivak, G. C. (1988). *Can the subaltern speak?* In C. Nelson & L. Grossberg (Eds.), *Marxism and the interpretation of culture* (pp. 271-313). Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-1-349-19059-1_20

Sharifah Aishah Osman. (2021). *Female agency and resistance in Malaysian historical fiction*. In *Women and Resistance in Southeast Asia* (pp. 88-105). Routledge. https://doi.org/10.4324/9781003189916-6

Siti Hajar Che Man. (2021). *Kelangsungan identiti kebangsaan dalam sastera Melayu*. Penerbit USM. http://www.penerbit.usm.my/

Syed Hussein Alatas. (1977). *The myth of the lazy native: A study of the image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9781315075662

Zainal Abidin Borhan. (2020). *Kebudayaan Melayu dan kedaulatan bangsa*. Gapena. https://www.worldcat.org/title/1255554316

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).